



جابتن آكام إسلام فتح

GARIS PANDUAN PENGURUSAN JENAZAH YANG BUKAN MELIBATKAN PESAKIT COVID 19 NEGERI PAHANG DARUL MAKMUR DALAM TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN

Garis Panduan ini dibuat selaras dengan arahan Kerajaan di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 dan Akta Polis 1967. Sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan ini, semua urusan yang berkaitan dengan **Pengurusan Jenazah Yang BUKAN Melibatkan Pesakit Covid-19 di Negeri Pahang** adalah tertakluk sebagaimana ketetapan berikut :-

1. Pengurusan Jenazah Yang **BUKAN** Melibatkan Pesakit Covid-19 di Negeri Pahang

(a) Pengurusan jenazah boleh **dilaksanakan di rumah** tertakluk kepada perkara berikut:

- i) Dengan kehadiran yang minimum ahli keluarga terdekat sahaja yang telah mengisyiharkan diri mereka sihat (ibubapa si mati, isteri/suami si mati, anak si mati, adik beradik si mati)
- ii) **3 orang** petugas pengurusan jenazah (pemandi dan pengafan jenazah).
- iii) Hanya **5 orang** sahaja dibenarkan untuk berada di dalam bilik pengurusan jenazah ketika proses memandikan jenazah.
- iv) Solat jenazah hendaklah dilaksanakan di rumah.
- v) Pengurusan diselesaikan dalam tempoh masa yang paling minimum.
- vi) Hanya **10 orang** sahaja ahli keluarga terdekat yang telah mengisyiharkan diri mereka sihat dibenarkan mengiringi jenazah ke tanah perkuburan.

(b) Sekiranya pengurusan jenazah perlu dibuat **di masjid** hendaklah tertakluk kepada perkara berikut :

- i) Hanya di bilik pengurusan jenazah yang dikhaskan di masjid yang telah ditentukan oleh Al-Fadhil Qadhi Daerah.
- ii) Kehadiran adalah terhad kepada **13 orang** individu sahaja yang telah mengisyiharkan diri mereka sihat dengan perincian seperti berikut :
 - i) **10 orang** ahli keluarga terdekat (individu yang akan hadir dari mula pengurusan jenazah hingga ke tanah perkuburan)

- ii) **3 orang** petugas pengurusan jenazah (pemandi dan pengafan jenazah)
 - iii) Hanya **5 orang** sahaja dibenarkan untuk berada di dalam bilik pengurusan jenazah ketika proses memandikan jenazah.
 - iv) Solat jenazah hendaklah dilaksanakan di bilik pengurusan jenazah sahaja **bukan** di ruang solat masjid.
- (c) Pergerakan jenazah keluar dari daerah atau negeri Pahang hendaklah mendapat kebenaran daripada pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) terlebih dahulu.
- (d) Tidak dibenar mengadakan majlis tahlil di rumah kecuali ahli keluarga atau di mana-mana premis.

2. Tatacara Pengebumian Jenazah Yang **BUKAN** Melibatkan Pesakit Covid-19 di Negeri Pahang

- (a) Kehadiran adalah terhad kepada 15 orang individu sahaja yang telah mengisyiharkan diri mereka sihat dengan perincian seperti berikut :
 - i) **10 orang** ahli keluarga terdekat (individu yang akan hadir dari mula pengurusan jenazah di masjid hingga ke tanah perkuburan)
 - ii) **4 orang** petugas menggali kubur dan kerja-kerja pengebumian.
 - iii) **Seorang imam** untuk memastikan proses pengebumian menepati syarak.
- (b) Tiada bacaan talqin dan tahlil selepas pengebumian. Hanya bacaan doa ringkas sahaja.
- (c) Urusan pengebumian diselesaikan dalam tempoh yang paling minimum.

Jabatan Agama Islam Pahang amat mengharapkan kerjasama daripada semua pihak dalam melaksanakan ketetapan ini. Sesungguhnya ketetapan ini adalah satu ikhtiar yang ditentukan berdasarkan hukum dan waqi".

Pengarah
Jabatan Agama Islam Pahang
19 Mac 2020